

VIARTRIL[®]-S 750mg FILM-COATED TABLET

Glucosamine sulphate (750 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Viartril-S 750mg Film-Coated Tablet
2. Bagaimana Viartril-S 750mg Film-Coated Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Viartril-S 750mg Film-Coated Tablet
4. Cara menggunakan Viartril-S 750mg Film-Coated Tablet
5. Semasa menggunakan Viartril-S 750mg Film-Coated Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Viartril-S 750mg Film-Coated Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

Apakah kegunaan Viartril-S 750mg Film-Coated Tablet

Viartril-S 750mg Film-Coated Tablet digunakan sebagai terapi tambahan untuk penyakit *osteoarthritis* (kehilangan tulang rawan pada sendi).

Bagaimana Viartril-S 750mg Film-Coated Tablet berfungsi

Viartril-S 750mg Film-Coated Tablet mengandungi *glucosamine sulphate* sebagai bahan aktif. *Glucosamine sulphate* melegakan penyakit sendi dengan mengurangkan bengkak dan melegakan kesakitan pada sendi.

Sebelum menggunakan Viartril-S 750mg Film-Coated Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Viartril-S 750mg Film-Coated Tablet sekiranya anda:

- mempunyai alahan terhadap *glucosamine* atau bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (tersenarai dalam maklumat lanjut)
- mempunyai alahan terhadap kerang kerana bahan aktifnya diperolehi daripada makanan laut (kerang)

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Viartril-S 750mg Film-Coated Tablet jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Viartril-S 750mg Film-Coated Tablet jika anda sedang menyusukan anak.

- Sebelum mula menggunakannya

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai:

- Asma
- Diet garam sodium terkawal
- Masalah hati atau buah pinggang
- Kencing manis atau gangguan toleransi glukosa
- Penyakit sendi lain yang mungkin memerlukan rawatan alternatif.

- Jika ada mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda ada mengambil:

- Ubat cair darah
- Tetracyclines (antibiotik)

Ubat tahan sakit atau anti-radang boleh diambil bersama dengan Viartril-S 750mg Film-Coated Tablet.

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Viartril-S 750mg Film-Coated Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

Ambil satu kapsul, 2 kali sehari.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu menggunakannya

Ambil 2 kali sehari, sebaik-baiknya pada waktu makan atau seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu menggunakannya

Gunakan Viartril-S 750mg Film-Coated Tablet mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika anda terlupa mengambilnya

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos tertinggal dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika terambil secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Viartril-S 750mg Film-Coated Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang

VIARTRIL®-S 750mg FILM-COATED TABLET

Glucosamine sulphate (750 mg)

menggunakan Viartril-S 750mg Film-Coated Tablet.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berikan ubat ini kepada kanak-kanak dan remaja yang berumur bawah 18 tahun kerana keselamatan dan keberkesannya belum terbukti.

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi Viartril-S 750mg Film-Coated Tablet kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa mengantuk, sakit kepala, atau mengganggu penglihatan anda, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Viartril-S 750mg Film-Coated Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan-kesan sampingan yang mungkin dialami termasuklah:

- *Jantung dan saluran darah:* bengkak pada kaki / tangan, degupan jantung laju
- *Sistem saraf pusat:* sakit kepala, mengantuk, kesukaran untuk tidur
- *Saluran usus dan perut:* loya, muntah, cirit-birit, senak, atau sakit pada bahagian atas perut, buang angin, sembelit, pedih ulu hati, gangguan pemakanan
- *Reaksi kulit:* ruam kulit, kemerahan, kegatalan, keradangan, gegata, eczema
- *Lain-lain:* keguguran rambut, reaksi alahan, gangguan penglihatan, bengkak

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Viartril-S 750mg Film-Coated Tablet

- Penyimpanan

Simpan dibawah suhu 30°C.
Jauhi daripada capaian kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah.

Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet tidak bertanda, berbentuk bujur dan bersalut filem putih tanpa garis skor.

- Bahan-bahan kandungan

Setiap tablet mengandungi:

- *Bahan aktif*
Crystalline glucosamine sulphate 942 mg (bersamaan 750 mg glucosamine sulfate and 192 mg sodium chloride)
- *Bahan tidak aktif*
Microcrystalline cellulose, Povidone K 25, Croscarmellose sodium, Macrogol 6000, Magnesium stearate, Talc, Methacrylic acid - methyl methacrylate copolymer (1:1), Titanium dioxide, Ammonium methacrylate copolymer (type A), Triacetin

- Nombor MAL:

MAL24096079X

Pengilang

Madaus GmbH
Lütticher Straße 5
53842 Troisdorf
Germany

Pemegang Pendaftaran Produk

Mylan Healthcare Sdn Bhd
15-03 & 15-04, Level 15, Imazium,
No. 8, Jalan SS 21/37, Damansara
Uptown,
47400 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

16/06/2025

Nombor siri

NPRA (R2) 24/068

PIL-VIARTRILS TAB-0625